## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 9 FEBRUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | MAQIS RAMPAS 18,000kg MAKANAN HAIWAN DARI SINGAPURA, LOKAL, HM -3<br>SOROK SOSEJ, TELUR DALAM LIPATAN BAJU, LOKAL, HM -21<br>MAKANAN HAIWAN 18 TAN METRIK DARI SINGAPURA GAGAL MASUK MALAYSIA, NEGARA, KOSMO -16 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | DVS: LIVESTOCK FARMERS POLLUTE DUE TO BAD WASTE MANAGEMENT, NATION, THE STAR -7<br>BUTCHERS WANT PERAK PIG BAN AXED, NATION, THE STAR -7<br>PORK SUPPLY IN KLANG VALLEY AT CRITICAL LEVEL, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a<br>PORK PRICES GO UP DUE TO SHORTAGE IN KLANG VALLEY, NATION, CHINA PRESS -A9<br>PORK SHORTAGE ISSUE, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -2 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 9.<br>10.<br>11.<br>12. | BAYARAN PLKS KRU NELAYAN WARGA ASING DIKURANGKAN, SH -ONLINE<br>BAYARAN PAS LAWATAN KERJA SEMENTARA KRU NELAYAN WARGA ASING DIKURANGKAN, SELANGOR KINI -ONLINE<br>BERNAMA-BAYARAN PLKS KRU NELAYAN WARGA ASING DIKURANGKAN, MALAYSIAN DAILY NEWS -ONLINE<br>INNISIVE SPECIES, NEWS, THE SUN -4 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 13.<br>14.<br>15. | TAMBAH 5,000 PAPAN TELUR SETIAP MINGGU DI BULAN PUASA, NEGARA, KOSMO -16<br>HARGA SAYUR DIJANGKA STABIL BULAN RAMADHAN, NEGARA, KOSMO -16<br>FAMA LAKSANA PROGRAM JUALAN TERUS DARI LADANG, NASIONAL, BH -19 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16.<br>17.<br>18. | FORMULA DEDAK AYAM MARDI JIMAT KOS SEHINGGA 19 PERATUS, GAYA INOVASI, UM -26<br>'TANGANI KRISIS HARGA AYAM', GAYA INOVASI, UM -27<br>SUMBER PROTEIN TEMPATAN, GAYA INOVASI, UM -27 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |

# Maqis rampas 18,000kg makanan haiwan dari Singapura

**Johor Bahru:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis menahan sebuah lori yang membawa makanan haiwan seberat 18,000 kilogram (kg) bernilai RM47,000 di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, kelmarin.

Jurucakap Maqis berkata, makanan haiwan berkenaan dibawa masuk dari Singapura ke negara ini.

Beliau berkata, rampasan itu dilakukan apabila anggota menjalankan pemeriksaan rutin pada jam 1 tengahari kelmarin terhadap lori berkenaan yang membawa makanan haiwan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut, barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis.

Katanya, pengimport didapati menyediakan dokumen yang mengelirukan iaitu maklumat pengilang di bahagian label barangan tidak sama dengan maklumat pengilang di sijil kesihatan yang diisytihar.

**RM47K**

Nilai rampasan makanan haiwan seberat 18,000kg.

"Ia menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Maqis 2011 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Manakala bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM 75,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Pihak Maqis akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, ia bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro-organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat ditetapkan.

"Bagi membantu siasatan, Maqis mengambil keterangan pemandu lori berkenaan yang merupakan warga tempatan berusia 43 tahun sebelum dilepaskan," katanya menerusi siaran media semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/2/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# Sorok sosej, telur dalam lipatan baju

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

**Maqis gagalkan cubaan bawa masuk produk hasil pertanian, haiwan di ICQS Muara Sungai Melaka**

**Melaka**

Sorok pelbagai produk hasil pertanian dan haiwan dalam lipatan pakaian sebelum diseludup masuk ke Malaysia.

Taktik licik itu bagaimanapun digagalkan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Melaka hasil pemeriksaan di Terminal Feri Antarabangsa, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Muara Sungai Melaka di sini, kelmarin.

Pengarah Maqis negeri, Nora Dinah Abdul Rahman berkata, perbuatan itu terbongkar hasil pemeriksaan pegawai penguat kuasa jabatan itu terhadap beg pakaian dibawa 10 individu yang masuk ke negara ini melalui terminal feri berkenaan.

Menurutnya, kebanyakan individu ditahan datang dari Dumai dan Bengkalis, Indonesia.

"Antara barangan dibawa individu terbabit adalah pelbagai produk seperti susu tin, sosej daging dan telur segar.

"Segelintir penumpang ini menggunakan modus operandi dengan menyembunyikan produk berkenaan dalam bagasi pakaian yang dibalut dengan kemas bagi mengaburi penguat kuasa.

"Mereka didapati melakukan kesalahan membawa masuk barangan pertanian tanpa sebarang dokumen pengimportan seperti Permit Import Maqis dan Sijil Kesihatan Veterinar," katanya.

Menurut Nora Dinah, kejayaan pemeriksaan itu hasil kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

"Perbuatan mengimport komoditi pertanian dan hasilan ikan tanpa Permit Import yang sah menjadi kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.



NORA Dinah (kiri) dan pegawainya menunjukkan sebahagian daripada produk haiwan dan pertanian dirampas.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Tambah 5,000 papan telur setiap minggu di bulan puasa



ORANG ramai membeli telur di sebuah pasar di Kampung Gelong Bilal, Kuala Terengganu semalam.

**KUALA TERENGGANU** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bercadang untuk meningkatkan lagi bekalan telur ayam kepada 5,000 papan seminggu menjelang bulan Ramadan yang bakal tiba akhir April ini.

Pengarah FAMA Terengganu, Nukman Hashim berkata, inisiatif tersebut bagi memenuhi permintaan pengguna tempatan yang sudah pasti bakal meningkat pada bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

"Buat masa ini, FAMA Terengganu membekalkan 3,000 papan atau 90,000 biji seminggu bagi mengatasi kekurangan telur ayam yang pernah berlaku sebelum ini.

> Begitupun, kami akan memohon untuk meningkatkan bekalan kepada 5,000 papan lagi atau 150,000 biji seminggu pada bulan Ramadan ini."

"Begitupun, kami akan memohon untuk meningkatkan bekalan kepada 5,000 papan lagi atau 150,000 biji seminggu pada bulan Ramadan ini," katanya.

Nukman berkata, bekalan telur ayam tersebut diperolehi daripada pembekal dari Melaka.

Jelas beliau, ia disebabkan Terengganu masih belum memiliki industri penternakan ayam penelur.

FAMA Terengganu telah mengambil inisiatif membekalkan telur ayam secara konsisten kepada rakyat melalui outlet-outlet peruncitan agensi itu di seluruh negeri ini mulai bulan lalu.

Ia merupakan antara inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menjamin sekuriti makanan di negara ini.

Pekebun mula lakukan penanaman selepas banjir

# Harga sayur dijangka stabil bulan Ramadan

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Harga sayur-sayuran di Terengganu yang melonjak sehingga 100 peratus pada masa ini dijangka stabil semula menjelang bulan Ramadan tidak lama lagi.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Nukman Hashim berkata, peningkatan harga itu akan diimbangkan dengan pengeluaran daripada pekebun tempatan yang dijangka akan dapat mula dituai pada akhir bulan hadapan.

"Kenaikan (harga sayur) ini senario lazim di negeri-negeri Pantai Timur termasuk Terengganu setiap kali musim tengkujuh kerana kebanyakan kebun sayur dinaiki air banjir.


Naik 100 peratus di Kuala Terengganu

KERATAN *Kosmo!* 6 Februari 2023.

"Begitupun, pekebun tempatan kini sudah mula melakukan penanaman semula sejak banjir besar reda pada awal bulan lalu," katanya pada program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Masjid Al-Ikhwan di Kampung Gelong Bilal di sini semalam.

Nukman berkata, berdasarkan maklum balas pekebun tempatan, hasil pertanian mereka dijangka akan mula dapat dituai menjelang bulan Ramadan yang bakal tiba pada akhir bulan depan.

Tambah beliau, buat masa ini, FAMA Terengganu mengambil pendekatan untuk memastikan bekalan sayur untuk kegunaan pengguna negeri ini.

"Sebanyak 10 tan sayur-sayuran dari Cameron Highlands, Pahang akan dibawa masuk ke pasaran negeri ini pada masa terdekat.

"Kita akui harga sayur agak tinggi pada masa ini, namun bagi jangka pendek ini, biarlah keberadaannya di pasaran negeri ini terjamin," katanya.

Nukman berkata, kenaikan sayuran pada masa ini disebabkan situasi banjir di beberapa negeri pembekal dan ketiadaan bekalan daripada pekebun tempatan.



NURMAN (kanan) berbual dengan salah seorang pengguna yang membeli sayur pada program JTDL Masjid Al-Ikhwan di Kampung Gelong Bilal, Kuala Terengganu semalam.



MUATAN makanan haiwan tanpa mematuhi syarat import Maqis di Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru, kelmarin.

# Makanan haiwan 18 tan metrik dari Singapura gagal masuk Malaysia

**JOHOR BAHRU** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan sebuah lori yang membawa makanan haiwan seberat 18 tan metrik bernilai RM47,000 di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini kelmarin.

Maqis dalam satu kenyataan memaklumkan, makanan haiwan berkenaan dibawa masuk dari Singapura ke negara ini.

Beliau berkata, rampasan itu dilakukan susulan pemeriksaan rutin yang dijalankan pada pukul 1 tengah hari terhadap lori berkenaan yang membawa muatan makanan haiwan.

"Hasil pemeriksaan lanjut, barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis.

"Pengimport didapati menyediakan dokumen yang mengelirukan iaitu maklumat pengilang pada label barangan tidak sama dengan maklumat pengilang pada sijil kesihatan yang diisytihar.

"Bagi siasatan lanjut, Maqis menahan pemandu lori berkenaan yang merupakan warga tempatan berusia 43 tahun," katanya dalam kenyataan semalam.

Maqis dalam kenyataan sama memberitahu, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Maqis 2011.

Jelas kenyataan Maqis itu, pihak berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/2/2023 | THE STAR | NATION | 7 |

# DVS: Livestock farmers pollute due to bad waste management

**KUALA LUMPUR:** Environmental pollution originating from livestock waste has been a longstanding issue in Malaysia, with the Veterinary Services Department (DVS) attributing this to the lackadaisical attitude of most industry players.

The contamination of Sungai Punggur in Air Molek, Melaka, in 2020 was among the cases of severe pollution reported in recent years and it was caused by waste discharged by at least seven unlicensed cattle farms.

Thousands of people residing in the surrounding areas complained about the foul smell emanating from the sludge that had piled up in the river.

In 2022, eight pig farms in Kuala Langat, Selangor, were identified as the source of effluents discharged onto the Tanjung Sepat coastline after investigations found contaminated water flowing from the farms concerned into the sea.

According to DVS data for 2017, the livestock industry produced 27,416 tonnes of waste a day.

Broiler (meat-producing) chicken farms and layer (egg-laying hens) farms accounted for 60% of the waste, followed by cattle farms (22%), pig farms (16%) and goat farms (2.3%).

It said the substantial amount of waste produced each day was linked to "inefficient waste management" by livestock industry players, thus placing this sector among the major contributors to environmental pollution in the country.

A spokesman for DVS' Regulatory Division told *Bernama* many industry players still failed to abide by good animal husbandry practices, including the application of proper waste disposal procedures.

Among the common complaints received by the department pertaining to animal waste are foul smells, housefly infestations and discharge of effluents into the public drainage system.

Livestock waste and wastewater discharged by abattoirs must be treated in advance, the spokesman stressed, terming the untreated effluents as a "time bomb" that can give rise to a host of zoonotic diseases including brucellosis, salmonellosis, tuberculosis, bird flu, swine flu and the Nipah virus disease.

According to the spokesman, offences committed by unregistered farms come under the jurisdiction of local authorities or the Irrigation and Drainage Department.

On the wastewater treatment system used by the livestock industry, he said a proper system would usually have three stages of treatment – physical treatment to separate solid waste; biological treatment where the organic matter is decomposed by natural microbes in a pond; and settling process where the effluents are deposited in a settling tank or pond before being discharged into public drains.

# Butchers want Perak pig ban axed

## Officials had imposed restriction to stop spread of African swine fever

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The authorities are urged to allow Perak pig farmers to move their animals across state boundaries again, saying that the interstate transport ban has caused pork shortage in several states.

This call came from the Butchers Association of Selangor and Kuala Lumpur.

In a move to combat the spread of the African swine fever (ASF), the Veterinary Services Department (DVS) – an arm of the Agriculture and Food Industries Ministry – has barred interstate movements of pigs for a month from the end of January.

Association chairman Lee Peng Hock said the Klang Valley alone required around 3,000 pigs each day, and with the current restriction, it was forced to make do with only 500 animals from Selangor.

"An estimated 80% of our pork supply comes from Penang and Perak, and because of ASF, supply from Penang is disrupted.

"Perak's supply has also been halted because the government is concerned about the spread of ASF," he said at a press conference here yesterday.

He added that this had been an issue since the Chinese New Year.

Lee claimed that since DVS implemented the restriction, the supply of pigs from states other than Penang and Perak had been reduced to the point of affecting various downstream businesses, such as slaughterhouses, merchants and restaurants.

He said states such as Pahang, Johor, Selangor and Melaka were now suffering from severe pork shortages, not including Penang and Perak, which are self-sufficient.

He also claimed that DVS had refused to recognise ASF testing by private laboratories commissioned by farmers to prove that their herd was free of the disease.

Some Perak pig farmers, he said, had resorted to private testing to prove the health of their pigs, but DVS refused to accept the results.

Butchers in Selangor are hoping that DVS will lift the restriction as soon as possible, by allowing unaffected pig farms from elsewhere to move their animals into the state.

Lee added that any further restrictions would greatly impact pork supply to the Klang Valley.

Prices of live pigs at the farm have soared to RM1,520 per 100kg, from RM1,420 per 100kg before Chinese New Year, and some requests for roast pork for temple festivals have been turned down due to the shortage.

According to Penang Chief Minister Chow Kon Yeow, as of Jan 28, 23 out of the total 124 pig farms in Penang were discovered to be infected with ASF.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pork supply in Klang Valley at critical level | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 09 Feb 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A4a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 299 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,352 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,056 |






李炳福（右6）与雪隆屠业行同仁在林立迎（右7）的陪同下，召开记者会要求政府着手处理雪隆猪肉可能出现断市的情况。

# 霹生猪禁运入 雪隆猪肉告急！

（吉隆坡8日讯）霹雳生猪禁止运入雪隆，导致雪隆猪肉供应减少80%，猪肉贩商甚至无法营业。

雪州屠业行主席李炳福指出，因为北马出现非洲猪瘟病例，导致槟州和霹雳州的生猪禁止运入雪州，这大大影响雪州的猪肉供应。

他说，雪隆猪肉商目前只能透过雪州养猪场购买到生猪，但因为供应量不足，他们只能买到不足龄的猪只。

李炳福今日在行动党甲洞国会议员林立迎的陪同下召开记者会时，如是指出。

他指出，霹雳生猪被限制跨州，导致养猪场出现拥挤情况，而雪州养猪场却面对猪只来不及长大的情况，导致国内养猪生态失衡。

他表示，一般上一头猪侍养周期为5个月至5个半月，目前雪隆市场上可以买到的是只有4个半月大的猪只。

针对兽医局允许在霹雳宰杀的猪肉送到雪隆，李炳福表示，由于雪隆的猪只都是送到雪州才进行宰杀，因此，从霹雳宰杀及冷藏猪只的设备不足，导致一些猪肉送到雪州时已经不新鲜，甚至发出异味，一些业者被迫把猪肉销毁。

他说，非洲猪瘟爆发至今已经两周，猪肉供应问题迟迟没有得到解决，即便一些商家用高价购买不足龄的猪肉，导致价格上涨，但若问题一直没有解决，最终会出现批发和零售商有钱都买不到猪肉的情况。

他指出，事故发生至今两周，已经有一些商家因为买不到猪肉而停业，或者减少售卖数量。

此外，他表示，虽然市面上还是有冷冻猪肉，但味道不比生鲜猪肉来得好，无法满足饮食业者的要求。

“好像肉骨茶，就是要生鲜猪肉的鲜甜味，冷冻猪肉做不到。”#

## 泰国公司允运生猪到雪 李炳福：业者忧现垄断

另一方面，李炳福指出，有霹雳州的业者爆料，一家在我国霹雳及雪州分别有养猪场、宰猪场及零售商店的泰国公司，今日起已经被允许将生猪运到雪州屠宰，这不禁令其他的业者担忧出现垄断的情况。

“为什么该公司的生猪可以运到雪州宰杀，其他养猪场的猪只却不能这么做？这是一种垄断的情况。”

李炳福的助理李昭亨在记者会上表示，该泰国公司在霹雳州设有养猪场，在雪州设有屠宰场，并拥有连锁的零售店，随着目前只有这家公司的猪只可以送到雪州，这可能导致最终只有这家公司旗下的零售连锁商店可以买到猪肉。

他稍后也向记者解释，当批发及零售商无法供应足够的猪肉，在供不应求的情况下，业者也可能调高价格，最终转嫁到消费者身上，牵连甚广。

他说，若情况持续下去，不排除雪隆会出现猪肉断市的情况，为此，他希望农业及粮食安全部在情况进一步恶化之前，必须插手处理此事，确保雪隆的猪肉供应恢复正常。#

## 洪万利：猪肉供应不足 问题若未解价格恐上涨

雪州屠业行副总务洪万利指出，霹雳爆发非洲猪瘟案例至今两周，兽医局在关闭了霹雳一些养猪场进行检测后，至今未公布检测报告，以至养猪场持续停止运作，无法出售生猪。

他说，业者为了能够继续运作，自费雇用私人公司为猪只进行检测，结果显示检测呈阴性，但这些检测却不被兽医局接受。

“兽医局自己的检测，已经两周了，到今天都还没有公布报告结果。”

他指出，过去雪州每天要屠宰3000头猪，其中有2000头都是来自霹雳，而槟城及雪州养猪场则各占500头。

“目前，霹雳和槟城的生猪都不能运来了，雪隆的市场供应就只能靠雪州的500头，根本供不应求。”

洪万利也是烧猪业者，他表示，由于猪肉供应不足导致他不敢接客户的订单。

他说，红白喜事都会有客户要订购烧猪，但是因为面对生猪供应问题，他不敢再接单，表示自己已经三四天没有开工。

他也说，早前媒体报道猪肉价格上涨2令吉也是因为供应不足所致，若下周问题还未解决，猪肉价格可能进一步上涨。

针对业者的诉求，林立迎表示，本身将即刻将相关情况转告给目前正担任农业及粮食安全部副部长的党内同志陈泓缣。

他相信，陈泓缣很快会给予雪州的猪肉贩商回复。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pork prices go up due to shortage in Klang Valley | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Feb 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 592 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,678 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,034 |



## 禁霹生豬跨州宰殺
# 雪豬肉短缺釀漲價

（吉隆坡8日讯）霹雳州每天有2000头生猪无法跨州运至雪州宰杀，导致雪隆供应减少80%，造成猪肉每公斤调涨2令吉，更有不少猪肉贩因没有“货源”被迫休业。

雪隆屠业行周三联合甲洞国会议员林立迎召开记者会，投诉雪隆猪肉短缺、价格飙升等问题，希望获得农业及粮食安全部关注，恢复让霹雳州的生猪载到雪州宰杀，并拉横幅反映雪隆猪肉断市的心声。

雪隆屠业行主席李炳福说，该会在新年前曾会见农业及粮食安全部副部长陈泓缣，并希望农业部和兽医局协调，希望当局关注猪肉短缺问题，早日让符合条件的生猪运来雪州宰杀。

### 豬肉販被迫休業

他指出，雪隆每天需要3000头生猪，其中2000头来自霹雳，其余各别500头来自槟城和雪州，都是在雪州宰杀。

他说，之前是槟城的生猪无法运来雪州宰杀，之后是霹雳州，如今只剩雪州每天500头生猪应付市场供应。

“兽医局禁止霹雳生猪载来雪州宰杀，猪肉却可运到雪隆售卖，但因路途遥远、宰猪场设备欠佳和缺乏保温设备，以致猪肉不新鲜和有味道。”

他说，目前雪隆许多猪肉贩买不到猪肉而被迫休业，或每天面对无肉可卖的情况。

他说，猪肉短缺也引发骨牌效应，造成许多饮食业、餐馆等受影响。

他指出，当局应鉴定霹雳州养猪场情况，如果符合安全就应即时开放让生猪运来雪州宰杀。

林立迎指将尽速向陈泓缣反映猪肉短缺等问题，早日寻获解决方案。

## 推掉燒豬訂單被逼休業

雪隆屠业行副总务兼烧猪贩洪万利说，随着雪隆区过去两周面对猪肉短缺问题，他已连续休业数天。

他说，由于猪肉不足，即使猪肉价格再高，猪肉贩也无肉可卖，被迫要四处寻找货源，但供应量却非常少。

他指出，虽然有不少顾客、神庙、丧事主家等要预订烧猪，但因短缺，他已推掉一些订单及退款给顾客，如今也不敢接订单。

他说，如果猪肉因短缺酿成涨价，将对饮食业、消费者造成很大影响。

他说，据他们接到的消息，怡保宰猪场在这周日会关闭3天进行消毒活动，届时将加剧猪肉短缺的问题。




■雪隆屠业行拉横幅，要求农业部和兽医局速允许霹雳州生猪跨州宰杀，解决雪隆猪肉短缺和价格飙涨问题；前排左3起颜振平、黄吉良、林立迎、李炳福、李昭亨、林晋伙及洪万利。

## 捉豬商：檢測豬隻沒下文
# 不滿連鎖企業可跨州

捉猪商颜振平说，据他们了解，有一间连锁企业的养猪场生猪于周三开始运到雪州宰杀，引起不少养猪场的不满。

他说，该连锁企业拥有一站式营业方式，除了在霹雳设有多个养猪场，也拥有雪州宰猪场经营权，属下有多间连锁猪肉店等。

他说，为何相关公司的生猪可运到雪州宰杀，小养场的生猪却不行，当局迄今没有给予业者一个说法，也没说明禁令持续到何时。

他指出，霹雳州生猪于2周前被禁跨州宰杀，虽然兽医局曾到养猪场进行检测，但业者迄今未接获相关报告。

他说，一些养猪场自行通过私人公司针对卫生进行检测，报告都呈阴性，并呈交兽医局，却不被接受。他说，一些养猪场已关闭两星期，但兽医局迄今没有给予任何答案。

“霹雳生猪禁止运到雪州宰杀，对许多行业造成很大影响包括捉猪商，即使是其他州的养猪场，也有本身的供应处。”他说，他们虽然在霹雳找到猪肉供应，但都属小规模，每日可宰杀的生猪有限。

## 霹州過量變老豬
## 雪被逼宰不足齡

李炳福说，因猪肉短缺，许多不足龄的生猪也被宰杀。

他说，槟城、霹雳生猪无法运来，目前只能依赖雪州丹绒士拔30余间养猪场供应。

他说，此情况也造成两州的足龄生猪过多，反之雪州、吉丹、柔佛、马六甲和森州等却供应短缺。

他指出，一般上，生猪养到5个月半至6个月之后才被宰杀，如今为应付市场需求，一些生猪养至4至4个半月就被宰杀，消费者买到的是不足龄的猪肉。他指出，每头生猪之前售1420令吉，如今涨至1520令吉。

“虽然有冷冻猪肉，但不适合烹饪，尤其是肉骨茶都要用新鲜的温体猪肉。”

此外，雪隆屠业行主席助理李昭亨说，除了有关企业集团属下的连锁猪肉店获得猪肉供应，相信其他猪肉店都面对猪肉短缺。

他说，猪肉价在这星期上涨2令吉，如果兽医局持续禁止霹雳生猪运到雪州宰杀，猪肉短缺问题会更严重，不排除下星期会再涨价。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pork shortage issue | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Feb 2023 | Color | Full Color |
| Section | Metro Edition A | Circulation | 288,920 |
| Page No | 2 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 392 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,807 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,421 |



# 禁令不解猪肉恐斷市

## 雪隆屠業行促政府擬策解決




雪隆屠业行在林立迎（前排左五）的陪同下，反映雪隆区的猪肉供应面临断市的窘境，促请政府及有关当局尽快解除禁令，以恢复稳定的猪肉供应。前排左三为颜振平；前排右三起为洪万利、行动党联邦直辖区州委林香伏、李昭亨及李炳福。（陈启基摄）

（吉隆坡8日讯）受到霹雳州生猪跨州禁令影响，雪隆区的猪肉供应链出现问题，甚至引起猪商至熟食业面对生意停摆的可能！雪隆屠业行为此促请农业部尽快拟出对策，包括批准生猪跨州宰杀，从而解决问题。

据了解，霹雳州因检测到非洲猪瘟病例，于农历新年期间开始被禁止输出或运入猪只，然而雪隆区的猪肉供应大多是从霹雳州运到雪州屠宰场进行宰杀，这造成供应严重不足，同时也导致猪肉价飙涨。

雪隆屠业行今日在甲洞区国会议员林立迎的陪同下，召开新闻发布会反映上述问题，同时也希望政府严正以待，尽快批准不受感染的农场将生猪送至雪州宰杀，让雪隆区的供应恢复稳定。

### 李炳福：雪隆2000生豬自霹農場

雪隆屠业行主席李炳福指出，雪隆区每天需要约3000头生猪，其中有2000头是来自霹雳州的农场，剩下的1000头则是槟州及雪州的农场各占半。

他说，在生猪跨州禁令下，雪隆区市场的猪肉供应骤减多达80%，目前只能依赖丹绒士拔一带的农场供应，同时也因为数量不足，不足龄的猪只也被迫推出售卖。

"雪州的生猪数量已是所剩无几，这两个星期内只能买到不足龄的猪只。"

他说，猪肉商也曾尝试直接到霹雳州购买宰杀好的猪肉，惟当地的屠宰场规模较小且设备较差，包括没有完善的保冷系统，以致运回来的猪肉不仅是不新鲜，更因为耐不住路途遥远而变坏，因而再也没有人敢冒险运送宰杀好的猪肉。

他也说，若情况持续下去，雪隆区商民将会面对有钱也买不到猪肉的窘境。

#### 吁开放给更多农场养猪

李炳福指出，霹雳州是全国猪只产量及供应最大的州属，除了雪隆区之外还运到东海岸及南马一带，在禁止跨州宰杀猪只下，将会造成全国的猪肉供应严缺。

他说，猪肉是我国销售量最大的肉类之一，农业部必须更策略性地处理有关课题，勿矫枉过正。

他也呼吁政府应该开放给更多农场饲养猪只，避免日后再面对供应不足的问题。

### 李昭亨：特定連鎖店才買到豬肉

李炳福助理李昭亨则透露，根据最新消息，目前只有一家在雪州设有屠宰场的泰国公司，获准将生猪跨州带到雪州进行屠宰，再运到旗下的零售店销售。

"巴刹或其他店面买不到猪肉，只有在特定的连锁店才能买到猪肉。"

他说，这也造成市场被垄断，出现不公平现象，因此促请有关当局拟出有效方案，解决供应问题。

### 洪萬利：無法供應給客戶

另一方面，雪隆屠业行副总务洪万利指出，由于霹雳州的生猪无法运到雪州宰杀，雪隆区在猪肉供应不足下价格上涨，每公斤的猪肉价格在这个星期就涨了2令吉。

过年前，猪肉的批发价格是100公斤1420令吉，而现在的价格则是涨至1520令吉。

他也说，猪肉价若持续飙涨，连带也会造成食物价格上涨。

目前的市场开始面对断货，包括从事烧猪生意的他因为没有货源，无法继续供应烧猪给客户。

#### 猪商拿不到货暂休息

他也说，一些猪商也因为拿不到货而暂时休息，并以半山芭的猪肉贩为例，他们以前每天卖出40头猪，现在却只能拿到10头猪和售卖存货。

### 顏振平：獸醫局未公布進一步消息

抓猪商颜振平则说，根据供应猪肉的农场业者透露，跨州禁令至今已有2个星期，兽医局仍迟迟未公布检验的结果及进一步的消息；农场通过私人界检验证实未受感染，惟有关报告却不被接受。

他说，农场方面，一直尝试与当局沟通，但依然没有任何下文。

他说，跨州禁令不解除，同样对农场带来影响，包括因成年的猪只无法输出，小猪将缺乏继续成长的环境，造成农场的猪只过剩。

### 林立迎：將上傳至農業部

林立迎表示，这次的新闻发布会主要是协助雪隆屠业行及猪肉商贩通过媒体反映所面对的困境，同时也让有关当局及消费者了解事情的严重性。

他说，他将会把有关问题上传至农业及食品安全部副部长陈泓缣，并相信对方很快会就此事给予回复。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Bayaran PLKS kru nelayan warga asing dikurangkan



KUALA LUMPUR - Kadar bayaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi kru nelayan asing dikurangkan kepada RM320 seorang untuk sektor pertanian bagi tempoh enam bulan pertama berbanding RM1,850 seorang bagi sektor perkhidmatan untuk setahun sebelum ini.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan, ia adalah antara usaha kerajaan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia serta pihaknya untuk membantu pengusaha vesel perikanan tempatan dalam pelaksanaan PLKS kru nelayan asing.

Kenyataan itu menyebut kelayakan had umur nelayan asing juga ditetapkan hingga 60 tahun bagi permohonan kali pertama masuk ke dalam negara yang mana pengecualian ini diberi khusus kepada sektor perikanan tangkapan.

"MAFS mengunjurkan keperluan kru nelayan asing bagi tahun 2023 (suku pertama) di Semenanjung Malaysia adalah sekitar 17,486 orang. Sehingga kini, seramai 10,063 orang kru nelayan asing telah lulus PLKS.

"Secara keseluruhan, keperluan kru nelayan asing di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan adalah seramai 24,549 orang. Kelulusan penggajian nelayan asing adalah tertakluk kepada Seksyen 60K Akta Kerja 1955," menurut kenyataan itu.

Kru nelayan asing diwajibkan memiliki PLKS sepenuhnya pada 1 Januari tahun lepas selaras pewartaan Perintah Pasport (Pengecualian) (No. 2) (Pindaan) 2021 dan Perintah Imigresen (Pengecualian) (Pindaan) 2021 pada 28 Mei 2021.

DOF dalam kenyataan sama memaklumkan pihaknya giat berusaha meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perikanan tangkapan melalui pelbagai inisiatif serta latihan kepada anak-anak tempatan.

Bagaimanapun, DOF menyatakan pada masa sama, kebenaran diberikan kepada pengusaha vesel perikanan bermuatan 40 Gross Register Tonage (GRT) ke atas untuk menggunakan tenaga kerja asing khususnya vesel pukat jerut bilis, vesel zon C (beroperasi lebih 12 batu nautika dari pantai), zon C2 (lebih 30 batu nautika) dan zon C3 (menangkap ikan tuna di Lautan Hindi). - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/2/2023 | SELANGOR KINI | ONLINE | |

# Bayaran pas lawatan kerja sementara kru nelayan warga asing dikurangkan



KUALA LUMPUR, 9 FEB: Kadar bayaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi kru nelayan asing dikurangkan kepada RM320 seorang untuk sektor pertanian bagi tempoh enam bulan pertama berbanding RM1,850 seorang bagi sektor perkhidmatan untuk setahun sebelum ini.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam kenyataan memaklumkan ia adalah antara usaha kerajaan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia serta pihaknya untuk membantu pengusaha vesel perikanan tempatan dalam pelaksanaan PLKS kru nelayan asing.

Kenyataan itu menyebut kelayakan had umur nelayan asing juga ditetapkan hingga 60 tahun bagi permohonan kali pertama masuk ke dalam negara yang mana pengecualian ini diberi khusus kepada sektor perikanan tangkapan.

"MAFS mengunjurkan keperluan kru nelayan asing bagi tahun 2023 (suku pertama) di Semenanjung Malaysia adalah sekitar 17,486 orang. Sehingga kini, seramai 10,063 orang kru nelayan asing telah lulus PLKS.

"Secara keseluruhan, keperluan kru nelayan asing di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan adalah seramai 24,549 orang. Kelulusan penggajian nelayan asing adalah tertakluk kepada Seksyen 60K Akta Kerja 1955," menurut kenyataan itu.

Kru nelayan asing diwajibkan memiliki PLKS sepenuhnya pada 1 Januari tahun lepas selaras pewartaan Perintah Pasport (Pengecualian) (No. 2) (Pindaan) 2021 dan Perintah Imigresen (Pengecualian) (Pindaan) 2021 pada 28 Mei 2021.

DOF dalam kenyataan sama memaklumkan pihaknya giat berusaha meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perikanan tangkapan melalui pelbagai inisiatif serta latihan kepada anak-anak tempatan.

Bagaimanapun, DOF menyatakan pada masa sama, kebenaran diberikan kepada pengusaha vesel perikanan bermuatan 40 Gross Register Tonage (GRT) ke atas untuk menggunakan tenaga kerja asing khususnya vesel pukat jerut bilis, vesel zon C (beroperasi lebih 12 batu nautika dari pantai), zon C2 (lebih 30 batu nautika) dan zon C3 (menangkap ikan tuna di Lautan Hindi).

– BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | MALAYSIAN DAILY NEWS | ONLINE | |

# BERNAMA – Bayaran PLKS kru nelayan warga asing dikurangkan



KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) — Kadar bayaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi kru nelayan asing dikurangkan kepada RM320 seorang untuk sektor pertanian bagi tempoh enam bulan pertama berbanding RM1,850 seorang bagi sektor perkhidmatan untuk setahun sebelum ini.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam kenyataan hari ini memaklumkan ia adalah antara usaha kerajaan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia serta pihaknya untuk membantu pengusaha vesel perikanan tempatan dalam pelaksanaan PLKS kru nelayan asing.

Kenyataan itu menyebut kelayakan had umur nelayan asing juga ditetapkan hingga 60 tahun bagi permohonan kali pertama masuk ke dalam negara yang mana pengecualian ini diberi khusus kepada sektor perikanan tangkapan.

"MAFS mengunjurkan keperluan kru nelayan asing bagi tahun 2023 (suku pertama) di Semenanjung Malaysia adalah sekitar 17,486 orang. Sehingga kini, seramai 10,063 orang kru nelayan asing telah lulus PLKS.

"Secara keseluruhan, keperluan kru nelayan asing di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan adalah seramai 24,549 orang. Kelulusan penggajian nelayan asing adalah tertakluk kepada Seksyen 60K Akta Kerja 1955," menurut kenyataan itu.

Kru nelayan asing diwajibkan memiliki PLKS sepenuhnya pada 1 Jan tahun lepas selaras pewartaan Perintah Pasport (Pengecualian) (No. 2) (Pindaan) 2021 dan Perintah Imigresen (Pengecualian) (Pindaan) 2021 pada 28 Mei 2021.

DOF dalam kenyataan sama memaklumkan pihaknya giat berusaha meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perikanan tangkapan melalui pelbagai inisiatif serta latihan kepada anak-anak tempatan.

Bagaimanapun, DOF menyatakan pada masa sama, kebenaran diberikan kepada pengusaha vesel perikanan bermuatan 40 Gross Register Tonage (GRT) ke atas untuk menggunakan tenaga kerja asing khususnya vesel pukat jerut bilis, vesel zon C (beroperasi lebih 12 batu nautika dari pantai), zon C2 (lebih 30 batu nautika) dan zon C3 (menangkap ikan tuna di Lautan Hindi).

— BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | THE SUN | NEWS | 4 |



**INVASIVE SPECIES ...** Fisheries Department officers collecting information on a non-native fish found in Sungai Kuyoh, a tributary of the Klang River in Kuala Lumpur, following complaints from the public about potential damage to the river ecosystem. ***–SYAZWAN KAMAL/THESUN***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

# FAMA laksana program jualan terus dari ladang

**Kuala Terengganu:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengaktifkan program jualan terus dari ladang (JTDL) bagi mengatasi masalah bekalan sayur di kawasan pedalaman.

Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim berkata, pihaknya bercadang mendapatkan bekalan sebanyak 10,000 tan bekalan sayur daripada pengeluar di Cameron Highlands, terutama untuk dipasarkan di kawasan pedalaman.

Katanya, FAMA negeri sudah melaksanakan satu program JTDL di kawasan pedalaman iaitu di Kampung Bukit Payong, di Besut, kelmarin.

"Kita akui penduduk di kawasan pedalaman sukar untuk mendapatkan bekalan sayur, jika ada pun bekalan, harga dijual terlalu membebankan pengguna.

"Kita sudah melaksanakan program JTDL, termasuk memasarkan pelbagai jenis sayur di Kampung Bukit Payong, Hulu Besut dan peserta yang menyertai program itu memperoleh hasil jualan sebanyak RM21,000 dalam tempoh kira-kira tiga jam," katanya ketika membuat tinjauan program JTDL di perkarangan Masjid Al-Ikhwan, di sini, semalam.

Nukman berkata, demikian sebagai mengulas saranan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, yang mengarahkan FAMA memasarkan sayur ke kawasan yang mengalami kekurangan bekalan, terutama di kawasan pedalaman.

Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja dilaporkan berkata, FAMA diarahkan mengenal pasti kawasan yang berlakunya kekurangan bekalan sayur supaya kementerian dapat menggerakkan segera jentera sedia ada untuk atasi masalah kekurangan bekalan, terutama di kawasan pedalaman.

Mengulas lanjut, Nukman berkata, bekalan sayur di negeri ini mencukupi untuk menampung permintaan penduduk, tetapi berlaku sedikit peningkatan harga.

Sebagai contoh, katanya, FAMA memperoleh 10,000 tan pelbagai jenis sayur pada cuti perayaan Tahun Baharu Cina lalu, tetapi berlaku sedikit peningkatan harga," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/2/2023 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA INOVASI | 26 |

# Formula dedak ayam MARDI jimat kos sehingga 19 peratus

"PKFeed dihasilkan menggunakan hampas isirung sawit (PKE) dan ditambah enzim pencurai serat yang boleh mengurangkan penggunaan soya sebagai sumber protein."

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR
intan.suhana@mediamulia.com.my



PRESTASI ayam kampung yang diberi makan formulasi ini dilihat setanding dengan ayam yang diberi makanan berasaskan jagung dan mil kacang soya. - GAMBAR HIASAN

PENCARIAN bahan tempatan yang bersesuaian sebagai makanan ternakan ayam sentiasa dijalankan di negara ini bagi menangani kenaikan harga ternakan berkenaan di pasaran.

Terbaharu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) menghasilkan makanan ayam pedaging PKfeed Plus yang dirumus berpandukan kepada keperluan nutrien ayam MARDI pelbagai peringkat tumbesaran, penggemukan, dara dan peneluran.

Inovasi yang dibangunkan itu menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dari industri sawit dan padi (PKE, temukut dan bran beras).

Timbalan Pengarah Program Makanan dan Pemakanan, Dr. Noraini Samat berkata, kos formulasi makanan dan kos pengeluaran dijangka dapat dikurangkan menggunakan formulasi berkenaan.

"PKFeed dihasilkan menggunakan hampas isirung sawit (PKE) dan ditambah enzim pencurai serat yang boleh mengurangkan penggunaan soya sebagai sumber protein.

"Formulasi itu juga ditambah dengan PKzymeTM, enzim pencurai serta makanan yang mampu meningkatkan kehadaman serat PKE," katanya.

Selain itu, ia turut mengandungi pre-biotik manno-oligosaccharide (PKMOS) yang dapat membantu meningkatkan kesihatan terutamanya anak ayam tanpa perlu menggunakan antibiotik atau bahan penggalak pertumbuhan lain.

Oleh itu, penjimatan ke atas kos formulasi dianggarkan mencapai sehingga 19 peratus iaitu berjumlah lebih RM180 juta (data tahun 2020) melalui penggunaan formulasi itu berbanding formulasi tipikal menggunakan jagung dan mil kacang soya.

Turut dihasilkan adalah formulasi makanan ayam MARDI untuk pengeluaran daging menggunakan bahan mentah tempatan termasuklah temukut dan bran beras.

"Formulasi ini dibangunkan untuk pengeluaran daging tanpa mengandungi bahan penggalak pertumbuhan (*growth promoter*) seperti antibiotik.

"Ia juga bertujuan untuk mengurangkan penggunaan bahan mentah import seperti jagung dan mil kacang soya sebanyak 44 peratus.

"Kos formulasi MARDI ini juga dapat dikurangkan sehingga 15 peratus berbanding dengan formulasi berasaskan bahan import," katanya.

Tambahnya, prestasi ayam kampung apabila diberi makan formulasi itu setanding dengan ayam yang diberi makanan berasaskan jagung dan mil kacang soya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/2/2023 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA INOVASI | 27 |

# 'Tangani krisis harga ayam'

PENYELIDIKAN berterusan terhadap bahan tempatan itu juga dilihat mampu menangani krisis harga ayam yang melambung tinggi ketika ini sekaligus membebankan pengguna.

Antara bahan tempatan yang dinilai bagi menggantikan bahan import ialah jagung tempatan di mana pengunaannya di antara 50 ke 60 peratus dalam makanan ayam.

Noraini Samat berkata, dengan status pengeluaran dan teknologi sedia ada, jagung tempatan boleh menggantikan bahan import selain bekalannya juga banyak berikutan ladang contoh jagung bijan terletak di MARDI Seberang Perai telah dibangunkan.

"Tatacara pengendalian piawai (SOP) untuk pengurusan penanaman dan lepas tuai sedang ditambah baik selain pembangunan varieti untuk jagung tempatan ini juga sedang giat dilaksanakan.

"Walau bagaimanapun, kos pengeluaran tempatan tinggi dan ia kurang sesuai untuk penanaman di sesetengah lokasi kerana tiada musim kering, jadi jalan penyelesaiannya ialah dengan mengurangkan kos pengeluaran dengan meningkatkan kecekapan pengeluaran," katanya.

> **"Ubi kayu adalah antara bahan yang boleh menggantikan penggunaan bahan import kerana dalam makanan ayam pedaging dan penelur..."**

Selain jagung tempatan, ubi kayu adalah antara bahan yang boleh menggantikan penggunaan bahan import kerana dalam makanan ayam pedaging dan penelur, ia boleh menggantikan sebanyak 50 ke 60 peratus penggunaan jagung dalam makanan ayam.

Bagaimana pun, kata Noraini, hasil penyelidikan itu tidak dapat menangani isu kenaikan harga makanan secara terus sekiranya ia tidak diterima pakai di peringkat pengeluaran komersil tempatan.

Selain itu, sasaran pengurangan pengimportan makanan ternakan sebanyak 30 peratus pada tahun 2032 bakal dicapai melalui penanaman varieti jagung bijian hibrid.

Projek itu boleh memberikan hasil lapan hingga sembilan ton per hektar sebanyak dua kali setahun di keluasan penanaman jagung negara seluas 80,000 hektar.

"Kajian R&D di MARDI memberi penekanan kepada peningkatan hasil dan pengurangan kos dengan menjalankan kajian dalam penilaian dan pembangunan varieti, agronomi, pengurusan penyakit dan perosak, sistem pengairan, mekanisasi, kajian lepas tuai, kualiti, modelling dan sosio-ekonomi.

"Dapatan R&D dengan potensi varieti yang berhasil tinggi, tujuh hingga lapan tan per hektar, dilihat adalah satu faktor penting yang akan membolehkan industri jagung bijian berjaya di Malaysia. Dapatan kajian yang akan dimasukkan dalam Pembangunan SOP Penanaman Jagung Bijian MARDI juga akan menjadi panduan yang akan dapat meningkatkan hasil di lapangan secara kos efektif," jelasnya.



PENYELIDIKAN terhadap bahan tempatan dilihat mampu menangani krisis harga ayam yang melambung tinggi ketika ini. - GAMBAR HIASAN



KAJIAN mengenai makanan ayam akan sentiasa dilakukan.

## Sumber protein tempatan

MARDI akan terus menilai bahan tempatan sebagai sumber tenaga dan protein alternatif untuk menggantikan sebahagian atau sepenuhnya bahan import dalam makanan ayam termasuk bahan hasil sampingan atau buangan dari industri pertanian, makanan dan pemprosesan makanan.

Noraini berkata, antaranya menilai potensi bahan foraj dan ubian natif tradisional Malaysia sebagai bahan makanan selain membangunkan teknologi pengeluaran bahan makanan tempatan seperti tanaman jagung bijan.

"Membangunkan formulasi pemakanan tepat berasaskan bahan tempatan bagi ternakan yang ekonomik berasaskan keperluan industri dan membangunkan teknologi pemprosesan makanan ternakan, serta meningkatkan kualiti melalui kaedah fizikal, biokimia dan bioteknologi," jelasnya.

Bagaimanapun, tegasnya, hasil-hasil RnD ini tidak dapat menangai isu kenaikan harga makanan secara terus sekiranya ia tidak diterima pakai di peringkat pengeluaran komersil tempatan.



DIHASILKAN menggunakan hampas isirung sawit (PKE).



FORMULASI ditambah dengan PKzymeTM, enzim pencurai serta makanan yang mampu meningkatkan kehadaman serat PKE.